

# Proton perlu diperkenalkan lagi

JM 22 MAR 2005

PUTRAJAYA 21 Mac - Jenama kereta nasional, Proton atau Perusahaan Otomobil Nasional Bhd. (Proton) perlu lebih giat diperkenalkan ke pasaran antarabangsa walaupun 'usianya' sudah mencecah lebih daripada 20 tahun.

Ini kerana, kata Ketua Pegawai Eksekutif Proton, Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff, usia itu masih dikira sebagai terlalu 'muda' mengikut tafsiran industri automotif global.

"Masyarakat global pada masa ini masih belum mengetahui kenyataan bahawa Malaysia sememangnya ada mengeluarkan kereta nasional sendiri,

"Justeru, jenama kereta nasional pertama negara itu Proton perlu terus diperkenalkan serata dunia menerusi pelbagai kempen promosi dan pengiklanan,

"Sebagai contohnya, setem Proton kereta Gen-2 yang dilancarkan pada hari ini akan terus mempromosi jenama Proton ke serata dunia menerusi penghantaran dokumen dan surat," jelasnya lagi.

Beliau berkata demikian selepas majlis pelancaran setem Proton Gen-2 yang disempurnakan oleh Penasihat Proton Holdings Bhd., Tun Dr. Mahathir Mohamad di Yayasan Kepimpinan Perdana yang terletak di Presint 7, di sini, hari ini.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik dan Pengerusi Pos Malaysia & Services Holdings Bhd. (PSH), Tan Sri Adam Kadir.

Mengulas lanjut, pada majlis yang sama, pihaknya turut menjalankan kerjasama dengan sebuah firma dari Jerman untuk mendapatkan pengiktirafan jenama Proton di negara berkenaan.

Mahaleel menambah, bagi menggiatkan lagi

usaha mempopularkan jenama Proton di peringkat tempatan dan luar negara, pihaknya akan memperkenalkan tiga lagi model terbaru pada tahun ini.

Pengenalan model terbaru itu adalah sebagai tambahan kepada model Gen-2 yang mencatatkan jualan sekitar 30,000 buah sejak ia diperkenalkan pada tahun lalu, katanya.

Beliau berkata, Proton yakin dapat mencapai sasaran jualan sekitar 60,000 buah Gen-2 pada tahun ini setelah masalah kekurangan pengeluaran enjin kereta Gen-2 dapat diatasi, di samping penerimaan semasa yang baik oleh rakyat negara ini terhadap model berteknologi itu.

Masalah pengeluaran enjin berkenaan akan dapat diatasi menerusi pelaburan yang melibatkan sejumlah RM900 juta bagi menyiapkan lima platform reka bentuk pengilangan yang akan membantu meningkatkan kapasiti pengeluaran kilang di Tanjung Malim, katanya.

Dengan adanya lima platform berkenaan, kilang Proton di Tanjung Malim itu kini memiliki operasi pengilangan bersepadu yang boleh mengeluarkan sebarang jenis kenderaan dalam kapasiti pengeluaran yang dikehendaki.